

26 FEB 2003

Akhbar-Mahathir/I

AKHBAR UTAMA INDONESIA PUJI IDEA DR MAHATHIR

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 26 Feb (Bernama) -- Sebuah akhbar utama Indonesia hari ini memuji cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Majlis Perniagaan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dibentuk.

Dr Mahathir membuat cadangan itu pada forum perniagaan di Kuala Lumpur hujung minggu lepas sempena sidang kemuncak dua hari NAM yang berakhir semalam.

Sambil menerangkan bahawa cadangan itu sebagai berwawasan, tajuk sidang pengarang pada muka depan "Media Indonesia" hari ini: "Learning from Malaysia" (Belajar Dari Malaysia), ini bukan kali pertama Dr Mahathir mengilhamkan skop berbilang hala.

Dr Mahathirlah yang mencadangkan penubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Tenggara pada 1990, yang akhirnya dikenali sebagai Forum Rundingan Ekonomi Asia Tenggara (EAEC) pada 1991.

Idea EAEC yang mencadangkan penubuhan Dana Kewangan Asia dan hasrat bagi mewujudkan mata wang tunggal Asia dirangka di Kuala Lumpur semasa mesyuarat peringkat menteri Asean.

Akhbar miliki Surya Paloh, yang terkenal sebagai raja surat khabar, yang turut menjalankan operasi stesen televisyen berasaskan berita, "MetroTV" berkata idea bernas itu tidak sahaja ditentang oleh Amerika Syarikat dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), malah oleh Indonesia.

"Melihat kembali, jika cadangan Dr Mahathir menjadi kenyataan, yang diikuti dengan krisis kewangan 1997-1998 yang melanda Asia, cerita (hari ini) mungkin berbeza," kata sidang pengarang itu.

Akhbar itu turut memuji Dr Mahathir kerana mencadangkan penubuhan Majlis Perniagaan tetap sebagai kaedah untuk mengatasi penguasaan atau dominasi negara-negara kaya.

Bagaimanapun, akhbar itu berpendapat bahawa walaupun penubuhan majlis itu penting, cadangan Malaysia itu diluar jangkauan Indonesia yang teruk dilanda krisis.

"Apa yang diperlukan oleh Indonesia, mudah sekali, iaitu mencergaskan dirinya dengan memperbaiki kelebihan persaingannya," katanya.

Akhbar itu berkata kelebihan saingan Indonesia menurun akibat skim insentif cukai, dasar kerajaan yang sering berubah dan kos ekonomi yang tidak munasabah.

Akibat fenomena ini, perbezaan antara Indonesia dan Malaysia kini seolah-olah seperti kegelapan dan siang, katanya.

"Jiran kami tidak sahaja kelaur daripada krisis lebih awal, malah berjaya mengatasinya dengan kekuatan sendiri. Kini pemimpinnya mencetus idea untuk kepentingan negara-negara NAM, kata sidang pengarang itu.

-- BERNAMA

OPP LAT